



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 24 JULAI 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|--|--|---|
| 1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. | PROGRAM MAFI PRIHATIN DIPERKASA DENGAN PENGLIBATAN PIHAK SWASTA, SH -ONLINE 59,816 PENERIMA TERIMA MANFAAT PROGRAM MAFI PRIHATIN, BERNAMA - ONLINE MAFI PRIHATIN DIPERKASA DENGAN PENGLIBATAN PIHAK SWASTA, SABAH MEDIA -ONLINE 13 SYARIKAT SWASTA SERTAI MAFI PRIHATIN, BH -ONLINE 60,000 PEOPLE BENEFITED UNDER PROGRAM MAFI PRIHATIN, NATION, SIN CHEW DAILY -26 MAFI PRIHATIN DIPERKASA BANTU RAKYAT, NASIONAL, SH -18 13 SYARIKAT DERMA BARANG KEPERLUAN, NASIONAL, BH -8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 8. | POPULATING NEGERI SEMBILAN RIVERS WITH MORE PRAWNS, THE STAR -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9. | PESAWAH RUGI AKIBAT PENGAIRAN TIDAK MEMUASKAN, NEGERI P.PINANG/KEDAH, SH -26 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 10. | AGROBANK HULUR SUMBANGAN, BISNES, HM -27 | AGROBANK |
| 11. 12. 13. 14. | ENSURE CHICKEN SUPPLY SUFFICIENT AND PRICE STAYS REASONABLE, CHINA PRESS -ONLINE DUA TAHUN TIDAK JUMPA KELUARGA, NEGARA, KOSMO -12 TERNAK KELULUT UNTUK SARA KELUARGA, DALAM NEGERI, UM -27 USAHA KEBUN SELEPAS TERPISAH DARI KELUARGA, DALAM NEGERI, UM -27 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 24/7/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Program MAFI prihatin diperkasa dengan penglibatan pihak swasta



Ronald (kanan) ketika simbolik penyerahan daripada sebahagian penyumbang MAFI Prihatin. -Foto ihsan MAFI

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkasakan program MAFI Prihatin dengan penglibatan pihak swasta dalam industri padi beras yang menyalurkan sumbangan barangan keperluan harian dan makanan kepada golongan sasaran.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, sebanyak 13 syarikat swasta tampil menghulur bantuan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM205,400.

"Pelbagai barangan keperluan harian disumbangkan termasuk beras, minyak, gula dan lain-lain serta pelitup muka.

"Antara pihak syarikat dan korporat yang terlibat ialah Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Serba Wangi Sdn Bhd, OEL Distribution (KL) Sdn Bhd, Jasmine Food Corporation Sdn Bhd dan Syarikat Faiza Sdn Bhd.

"Selain itu, syarikat YHL Holdings Sdn Bhd, FGV Sdn Bhd, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Eco Agro Pentagon Sdn Bhd, Yayasan Kebajikan Pelajar Malaysia, Edaran Padi Sdn Bhd (Best Sekinchan) serta Vfive Group Sdn Bhd turut terlibat dalam program ini," katanya pada Jumaat.

Simbolik penyerahan telah disempurnakan oleh Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di Wisma Tani.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Program MAFI Prihatin yang dilancarkan sejak Januari lalu bertujuan membantu golongan sasaran yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan sumbangan disalurkan juga kepada petugas barisan hadapan.

"Insentif ini turut diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam yang lain serta kepada badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memerlukan.

"Sejak 1 Jun 2021 hingga 18 Julai lalu, seramai 59,816 penerima di seluruh negara mendapat manfaat daripada 264 program di bawah MAFI Prihatin yang disalurkan melalui beberapa agensi kementerian tersebut dengan nilai keseluruhan RM 5.2 juta," menurut kenyataan itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------|---------|------------|
| 24/7/2021 | BERNAMA | ONLINE | |

59,816 penerima terima manfaat program MAFI Prihatin



PUTRAJAYA, 23 Julai -- Seramai 59,816 penerima yang kebanyakannya warga tani mendapat manfaat di bawah program MAFI Prihatin kelolaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Melalui peruntukan kira-kira RM5.2 juta, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata program MAFI Prihatin itu dilaksanakan bagi membantu golongan sasar seperti penternak, petani serta peladang yang terjejas akibat pandemik COVID-19 melalui sumbangan bantuan 'in-kind' seperti barangan keperluan harian dan makanan.

Bantuan turut diberikan kepada petugas barisan hadapan dan golongan yang terkesan akibat banjir, bencana alam, badan kebajikan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan, katanya.

"Bantuan MAFI Prihatin disalurkan melalui pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI antaranya Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara simbolik penyerahan sumbangan bakul MAFI Prihatin di sini hari ini.

Pada majlis itu, sebanyak 13 syarikat swasta dan korporat dalam industri padi beras negara tampil memberi sumbangan in-kind dalam bentuk barangan keperluan harian dan makanan kepada MAFI untuk disalurkan kepada golongan sasar.

Ronald berkata program MAFI Prihatin diperkasakan lagi dengan penglibatan pihak swasta selaras dengan pendekatan *whole-of-nation* dalam usaha negara memerangi pandemik COVID-

"Program MAFI Prihatin akan diteruskan melalui jabatan dan agensi di bawah MAFI serta kerjasama strategik pihak swasta khususnya pemain industri agromakanan yang pastinya akan membolehkan lebih ramai lagi golongan yang memerlukan mendapat manfaat dan menerima bantuan," katanya.

Mengenai persidangan khas Dewan Rakyat yang akan berlangsung lima hari mulai 26 Julai ini, Ronald berkata persidangan tersebut bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana persidangan seumpama itu pernah dilakukan sebelum ini.

"Kita pernah ada sidang Parlimen khas ketika ingin bahas usul serangan Israel terhadap Palestin...jadi ia bukan satu yang luar biasa," katanya yang juga Ahli Parlimen Beluran.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan sebelum ini berkata sidang khas Parlimen itu bertujuan memberi penerangan kepada ahli-ahli Parlimen mengenai Pelan Pemulihan Negara dan meminda semua perundangan dan peraturan bagi membolehkan persidangan Parlimen diadakan secara hibrid.

Pejabat Perdana Menteri juga berkata berdasarkan Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, semua proklamasi darurat dan ordinan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong akan dibentangkan.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------------|---------|------------|
| 24/7/2021 | SABAH MEDIA | ONLINE | |

MAFI Prihatin Diperkasa Dengan Penglibatan Pihak Swasta



PUTRAJAYA : Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus memperkasa program MAFI Prihatin dengan penglibatan pihak swasta selaras dengan pendekatan 'whole-of-nation' dalam usaha negara memerangi pandemik COVID-19.

Menerusi pendekatan itu, sebanyak 13 syarikat swasta dan korporat dalam industri padi beras negara tampil memberi sumbangan 'in-kind' dalam bentuk barangan keperluan

harian dan makanan kepada MAFI untuk disalurkan kepada golongan sasaran.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelbagai barangan keperluan harian disumbangkan termasuk beras, minyak, gula dan lain-lain serta pelitup muka dengan nilai keseluruhan sebanyak RM205,400.

"Program MAFI Prihatin yang dilancarkan sejak Januari lalu adalah bertujuan membantu golongan sasaran yang terkesan akibat pandemik COVID-19 disamping menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik COVID- 19.







“Bantuan melalui MAFI Prihatin juga telah diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam yang lain serta kepada badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memerlukan,” katanya.

Beliau berkata selepas menerima sumbangan secara simbolik daripada 13 syarikat swasta dan korporat dalam industri padi beras negara di Wisma Tani disini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri MAFI II, Dato’ Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Dato’ Haslina Abdul Hamid.

Antara pihak syarikat dan korporat yang terlibat ialah PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS), Serba Wangi Sdn. Bhd, OEL Distribution (KL) Sdn. Bhd, Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd, Syarikat Faiza Sdn. Bhd, YHL Holdings Sdn Bhd, FGV Sdn. Bhd, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Eco Agro Pentagon Sdn. Bhd, Yayasan Kebajikan Pelajar Malaysia, Edaran Padi Sdn. Bhd. (Best Sekinchan) dan Vfive Group Sdn. Bhd.

Sementara itu, Dr Ronald berkata, sejak 1 Jun hingga 18 Julai sahaja, sebanyak 59,816 orang penerima mendapat manfaat daripada MAFI Prihatin melalui 264 program anjuran MAFI di seluruh negara yang telah melibatkan nilai bantuan sebanyak RM 5.2 juta.

Katanya, bantuan MAFI Prihatin disalurkan melalui pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.

Antaranya Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

“MAFI akan meneruskan program MAFI Prihatin melalui Jabatan dan Agensi di bawah MAFI serta dengan kerjasama strategik bersama pihak swasta khususnya pemain industri agromakanan yang pastinya akan membolehkan lebih ramai lagi golongan yang memerlukan mendapat manfaat dan menerima bantuan,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 24/7/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

13 syarikat swasta sertai MAFI Prihatin



Ronald Kiandee (kanan) bersama sebahagian penyumbang program MAFI Prihatin di Wisma Tani, hari ini. - Foto ihsan MAFI

KUALA LUMPUR: Sebanyak 13 syarikat swasta serta korporat dalam industri padi dan beras negara, memberi sumbangan keperluan harian serta makanan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk disalurkan kepada golongan sasaran.

MAFI dalam kenyataan di sini, hari ini, berkata sumbangan barang keperluan harian termasuk beras, minyak, gula dan pelitup muka dengan nilai keseluruhan RM205,400 itu bagi menjayakan program MAFI Prihatin yang dijalankan sejak Januari lalu.

"Prihatin dengan situasi semasa negara dan kesejahteraan rakyat terjejas dengan pandemik COVID-19, program MAFI Prihatin diperkasakan lagi dengan pembabitkan pihak swasta dalam usaha memerangi pandemik COVID-19," katanya.

Simbolik penyerahan sumbangan itu disempurnakan Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di Wisma Tani, hari ini.

Syarikat terbabit termasuk PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS), Serba Wangi Sdn Bhd, OEL Distribution (KL) Sdn Bhd, Jasmine Food Corporation Sdn Bhd, Faiza Sdn Bhd, YHL Holdings Sdn Bhd, FGV Sdn Bhd, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Eco Agro Pentagon Sdn Bhd, Yayasan Kebajikan Pelajar Malaysia, Edaran Padi Sdn Bhd (Best Sekinchan) dan Vfive Group Sdn Bhd.

Katanya, program MAFI Prihatin bertujuan membantu golongan sasaran yang terkesan akibat pandemik COVID-19, selain menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik COVID-19.

Selain itu, katanya, MAFI Prihatin turut menghulurkan bantuan kepada golongan terkesan akibat banjir dan bencana alam serta kepada badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan.

"Sejak 1 Jun hingga 18 Julai lalu, seramai 59,816 penerima menerima manfaat daripada MAFI Prihatin menerusi 264 program anjuran MAFI di seluruh negara membabitkan nilai bantuan RM5.2 juta," katanya.

Katanya, bantuan MAFI Prihatin disalurkan menerusi pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI termasuk Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Program MAFI Prihatin akan diteruskan terutama selepas mendapat kerjasama strategik dengan pihak swasta khususnya pemain industri agromakanan yang membolehkan lebih ramai golongan memerlukan mendapat manfaat," katanya.

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | 60,000 people benefited under Program MAFI Prihatin | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 24 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 26 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 131 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,970 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,909 |



農部關懷「造福6萬人」 羅納建迪：派值逾500萬援助品



羅納建迪（右二）接收私人企業代表捐贈物資給農業部的
關懷計劃。左起是阿末邦查、哈斯爾姆，右一足及阿都拉。

（布城23日訊）農業及食物工業部長拿督斯里羅納建迪指出，該部在今年1月推介的“農業及食物工業部關懷計劃”（Program MAFI Prihatin），迄今已在全國260個地方派發援助品給那些有需要幫助的家庭和人士，總值逾500萬令吉，超過6萬人受惠。

“受惠者包括遭遇水災或其他天然災民及非政府組織的福利團體和單位。”

他說，政府感謝私人領域和企業的協助，在冠病大流行期間伸出援手，并希望有更多的私人企業能前來做出貢獻。

指國會特會非首例

羅納建迪今日在部門接收私人界捐贈救災物資給農業部時，發表這項談話。

“今天我們再收到13家私人企業

公司捐獻物資，總值20萬540令吉，這些私人企業大多數都是米糧公司，包括國家稻米公司（Bernas）所捐獻的白米。其他物品還有食油、白麵和面粉等等。這些物資不是甚么值錢的物品，但是在这个疫情當下，或多或少都能協助減輕有需要者的負擔。”

另一方面，羅納建迪在新聞發布會上回應記者提問即將在下周一召開的國會會議說，首相伊薩哈桑尤丁有權援引議會常規召開國會特別會議。

他說，來臨下周一召開的國會下議院特別會議並非是首例，過去他擔任下議院副議長時，也曾主持過國會特別會議。

“我記得那一次召開特別會議是辯論，以色列對巴勒斯坦發動炮火攻擊的事。”

出席今早這項儀式者尚包括農業部兩名副部長拿督斯里阿末邦查和拿督阿都拉及秘書長拿督哈斯爾姆。



24 JUL, 2021

60,000 people benefited under Program MAFI Prihatin

Sin Chew Daily, Malaysia

農部關懷「造福6萬人」 羅納建迪：派值逾500萬援助品



羅納建迪（右二）接收私人企業代表捐贈物資給農業部的關懷計劃。左起是阿末赫查、哈斯麗娜，右一及阿都拉。

（布城23日訊）農業及食物工業部長拿督斯里羅納建迪指出，該部在今年1月推介的“農業及食物工業部關懷計劃”（Program MAFI Prihatin），迄今已在全國260個地方派發援助品給那些有需要幫助的家庭和人士，總值逾500萬令吉，超過6萬人受惠。

“受惠者包括遭遇水災或其他天災民眾及非政府組織的福利團體和單位。”

他說，政府感謝私人領域和企業的協助，在冠病大流行期間伸出援手，並希望有更多的私人企業能前來做出貢獻。

指國會特會非首例

羅納建迪今日在部門接收私人界捐贈救援物資給農業部時，發表這項談話。

“今天我們再收到13家私人企業

公司捐獻實物，總值20萬540令吉，這些私人企業大多數都是米糧公司，包括國家稻米公司（Bernas）所捐獻的白米。其他物品還有食油、白麵和面粉等等。這些物資不是甚麼值錢的物品，但是在这个疫情當下，或多或少都能協助減輕有需要者的負擔。”

另一方面，羅納建迪在新聞發布會上回應記者提問即將在下周一召開的國會會議說，首相丹斯里慕尤丁有授權引議會常規召開國會特別會議。

他說，來臨下周一召開的國會下議院特別會議並非是首例，過去他擔任下議院副議長時，也曾主持過國會特別會議。

“我記得那一次召開特別會議是辯論，以色列對巴勒斯坦發動炮火攻擊的事。”

出席今早這項儀式者尚包括農業部兩名副部長拿督斯里阿末赫查和拿督阿都拉及秘書長拿督哈斯麗娜。



24 JUL, 2021

60,000 people benefited under Program MAFI Prihatin

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

『農部關懷』造福6萬 羅納建迪：派值逾\$萬援助品 羅納建迪（右二）

接收私人企业代表捐贈物資給农业部的关怀计划。左起是阿末韩查、哈斯丽娜，右一是仄阿都拉。（布城23日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，该部在今年1月推介的“农业及食物工业部关怀计划”（Program MAFIPrihatin）迄今已在全国26IKH也方派发援助品给那些有需要帮助的家庭和人士，总值逾500万令

MAFI Prihatin diperkasa bantu rakyat

Libatkan pihak swasta dalam industri beras

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

SHAH ALAM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkasa program MAFI Prihatin, dengan penglibatan pihak swasta dalam industri padi dan beras yang memerlukan sumbangan barangan keperluan harian dan makanan kepada golongan sasaran.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, sebanyak 13 syarikat swasta tampil menghulurkan bantuan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM205,400.

"Pelbagai barangan keperluan harian disumbangkan termasuk beras, minyak, gula dan lain-lain serta pelitup muka.

"Antara syarikat dan korporat yang terlibat ialah Padiberas Nasional Berhad (Bernas), Serba Wangi Sdn Bhd, OEL



Ronald (keman) berfual bersama sebahagian penyumbang MAFI Prihatin.



Sumbangan barangan barang keperluan harian oleh pihak swasta dalam industri padi dan beras negara.



Ronald (tengah) menerima sumbangan daripada sebahagian penyumbang bantuan di Wisma Tani.

Kiandee di Wisma Tani. Hadir sama Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Program MAFI Prihatin yang dilancarkan sejak Januari lalu bertujuan membantu golongan sasaran yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Sumbangan itu turut disalurkan kepada petugas barisan hadapan.

"Insentif ini turut diberikan kepada golongan yang terkesan akibat banjir dan bencana alam yang lain serta kepada badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan.

"Sejak 1 Jun 2021 hingga 18 Julai lalu, seramai 59,816 penerima di seluruh negara mendapat manfaat daripada 264 program di bawah MAFI Prihatin yang disalurkan melalui beberapa agensi Kementerian dengan nilai keseluruhan RM 5.2 juta," menurut kenyataan itu lagi.

program ini," katanya pada Jumaat.

Simbolik penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald

Kebangsaan (Nafas), Eco Agro Pentagon Sdn Bhd, Yayasan Kebajikan Pelajar Malaysia, Edaran Padi Sdn Bhd (Best Sekinchan) serta Vfive Group Sdn Bhd turut terlibat dalam

Distribution (KL) Sdn Bhd, Jasmine Food Corporation Sdn Bhd dan Syarikat Faiza Sdn Bhd. "Selain itu, syarikat YHL Holdings Sdn Bhd, FGV Sdn Bhd, Pertubuhan Peladang

Program MAFI Prihatin

13 syarikat derma barang keperluan

Kuala Lumpur: Sebanyak 13 syarikat swasta serta korporat dalam industri padi dan beras negara memberi sumbangan keperluan harian serta makanan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk disalurkan kepada golongan sasaran.

MAFI dalam kenyataan di sini, semalam, berkata sumbangan barang keperluan harian termasuk beras, minyak, gula dan pelitup muka dengan nilai keseluruhan RM205,400 itu bagi menjayakan program MAFI Prihatin yang dijalankan sejak Januari lalu.

"Prihatin dengan situasi semasa negara dan kesejahteraan rakyat terjejas dengan pandemik COVID-19, program MAFI Prihatin dipertingkatkan dengan pembahitan pihak swasta dalam usaha memerangi pandemik COVID-19," katanya.

Simbolik penyerahan sumbangan itu disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kian-tee di Wisma Tani, semalam.

Syarikat terbabit termasuk Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS), Serba Wangi Sdn Bhd, OEL Distribution (KL) Sdn Bhd, Jasmine Food Corporation Sdn Bhd, Faiza Sdn Bhd, YHL Holdings Sdn Bhd, FGV Sdn Bhd, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Eco Agro Pentagon Sdn



Ronald (kanan) bersama melihat barangan sumbangan pada Majlis Bakul MAFI Prihatin di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Bhd, Yayasan Kebajikan Pelajar Malaysia, Edaran Padi Sdn Bhd (Best Sekinchan) dan Vfive Group Sdn Bhd.

Katanya, program MAFI Prihatin bertujuan membantu golongan sasaran yang terkesan akibat COVID-19, selain mengaharagai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik COVID-19.

Selain itu, katanya, MAFI Prihatin turut mengulurkan bantuan kepada mangsa banjir dan bencana alam serta kepada badan kebajikan dan pertubuhan kerajaan (NGO) yang memerlukan.

"Sejak 1 Jun hingga 18 Julai lalu, 59,816 penerima menerima manfaat daripada MAFI Prihatin menerusi 264 program aujuran

MAFI di seluruh negara membabitkan nilai bantuan RM5.2 juta," katanya.

Beliau berkata, program MAFI Prihatin akan diteruskan, terutama selepas mendapat kerjasama strategik dengan pihak swasta khususnya peminat industri agromakanan yang membolehkan lebih ramai golongan memerlukan mendapat manfaat.



24 JUL, 2021

Populating Negri Sembilan rivers with more prawns

The Star, Malaysia

Page 1 of 2

Populating Negri Sembilan rivers with more prawns

SEREMBAN: Almost 200,000 prawn fries have been released by the Negri Sembilan Fisheries Department (JPNS) into rivers in the state so far, involving a cost of RM28,310.

JPNS director Halimi Abu Hanip said the release was carried out every year in a bid to increase the state's fisheries resources in rivers, which are known for their fresh-

water prawn habitat.

"While we want to enrich and conserve the country's original freshwater resource heritage, the release of the fries is also aimed at benefiting locals, especially fishermen and anglers, as well as freshwater prawn fry producers impacted by Covid-19," he said here yesterday.

He added that the programme

also received the cooperation of the state Drainage and Irrigation Department.

The department, said Halimi, had targeted to have at least 300,000 prawn fries released into the waters of Negri Sembilan this year to meet encouraging demand, especially for recreational fishing.

Other than prawns, he said JPNS had also released fish fry, mostly of

the lampam, kelah, tapah, sebarau and baung species.

Halimi also warned the public against using poison and electroshock to catch fish in rivers as this could damage the ecosystem.

Anyone caught could be fined up to RM20,000 or be jailed for two years or both under the state's River Fishing Methods 1976, he added. — Bernama



24 JUL, 2021

Populating Negri Sembilan rivers with more prawns

The Star, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SEREMBAN: Almost 200,000 prawn fries have been released by the Negri Sembilan Fisheries Department (JPNS) into rivers in the state so far, involving a cost of RM28,310. JPNS director Halimi Abu Hanip said the release was carried out every year in a bid to increase the state's fisheries resources in rivers, which are known for their freshas

water prawn habitat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------------------------|------------|
| 24/7/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI P.PINANG/ KEDAH | 26 |

Pesawah rugi akibat pengairan tidak memuaskan

KUALA NERANG - Lebih 20 pesawah di Padang Nyior, dekat sini mengeluh apabila kira-kira 50 hektar sawah yang diusahakan terjejas disebabkan kekurangan bekalan air berikutan sistem pengairan kurang memuaskan.

Petani, Mazli Isa, 56, berkata, mereka hanya bergantung kepada sebuah parit sepanjang 600 meter yang sudah wujud sejak sekian lama bagi menakung air hujan untuk disalurkan ke dalam sawah.

Bagaimanapun, katanya, parit tersebut tidak dapat berfungsi secara efisien kerana ketiadaan kunci air untuk menyimpan air terutamanya menjelang musim kemarau.

“Kami pesawah di kawasan luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), bergantung sepenuhnya kepada air hujan. Parit yang sedia ada ini sudah wujud sekian lama untuk menakung air.

“Namun apabila musim kemarau, parit ini tidak dapat menakung air seperti diharapkan dan akhirnya pesawah terpaksa tanggung kerugian selepas hasil padi tidak

menjadi,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Mazli yang sudah 25 tahun mengusahakan kira-kira lima hektar sawah miliknya berharap masalah yang dihadapi itu akan mendapat perhatian pihak berwajib.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, Abd Malik Mat Ali, 54, berkata, kekurangan air menyebabkan proses tanaman padi terbantut selain sukar untuk menabur baja.

Menurutnya, setiap kali musim kemarau, pesawah yang berada di luar kawasan MADA itu akan mengeluh disebabkan oleh bekalan air yang berada di dalam parit tersebut tidak mencukupi.

“Jika air sawah kering, kami tidak dapat menabur benih dan terpaksa menunggu air hujan,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Padang Terap, Datuk Md Shuhaimi Abd Rahman ketika dihubungi berkata, pihaknya akan meneliti masalah dihadapi pesawah yang berada di luar kawasan MADA tersebut.



Mazli (kanan) menunjukkan tali air yang dijadikan takungan air untuk mengairi sawah-sawah yang berada di luar kawasan MADA di Padang Nyior, Kuala Nerang.



ANTARA barangan yang disumbang kepada keluarga B40 yang terjejas akibat Covid-19.

Agrobank hulur sumbangan

Kuala Lumpur: Agrobank dengan kerjasama Persatuan Jaringan Pembangunan Luar Bandar Malaysia (DHRRA Malaysia) dan MySkills Foundation, mengedarkan bantuan bekalan makanan kepada 60 keluarga daripada golongan berpendapatan rendah B40 di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Pantai Dalam di sini yang selesai menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 14 Julai lalu menerusi Program CovidcareMy 3.0.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, sebagai entiti korporat yang prihatin dan peka dengan cabaran dan keadaan semasa yang sedang dihadapi oleh komuniti setempat, Agrobank

mengambil inisiatif bekerjasama dengan beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi meluaskan capaian untuk memberikan sumbangan dan bantuan kepada mereka yang terkesan oleh situasi semasa dek penularan pandemik Covid-19 yang sudah memasuki tahun kedua.

"Sejumlah RM200 diperuntukkan bagi setiap keluarga untuk dibekalkan dengan bekalan makanan asas seperti beras, tepung, minyak masak, gula, garam, sardin, susu pekat, kit penjagaan diri dan juga barangan korporat Agrobank seperti tuala muka, kipas tangan dan beg sandang untuk diedarkan kepada keluarga yang dikenal pasti DHRRA Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.



24 JUL, 2021

Ensure chicken supply sufficient and price stays reasonable

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

(布城23日讯)国内贸易及消费人事部指出,该部致力在维护消费者及商家利益平衡,并与部门旗下机构和业者展开对话会,确保获准运作领域可在疫情期间顺利运作,且民众不会因必需品涨价而受影响。

该部说,鸡饲料涨价加重畜牧者负担及影响鸡肉销量,因此将严正看待养鸡业者面对的问题,且农业与食品业部旗下兽医局已为此采取积极措施应对问题。

“兽医局与进出口商、饲料供应商及畜牧业者进行多项对话会,寻策解决问题。

“贸消部每日将监督鸡肉供应及全面检查供应链,确保鸡肉供应充足,且无人可趁机不合理调涨鸡肉价格。”

貿消部：維護商民利益平衡 確保雞肉供應足價合理

贸消部今日发文告说,受疫情和管制影响,餐馆不能开放堂食而减少鸡肉需求量,导致养鸡业者及相关行业商家的业务锐减,因此该部经常将此事带往国家安全理事会讨论,并建议开放能提高鸡肉需求量的活动,以及尽快允餐馆开放堂食。

另外,贸消部说,随著冠病疫苗接种计划进展良好,相信更多支持鸡肉供应的领域,尤其涉及处於国家复苏计划第2阶段及以上州属的相关领域能在不久後复

工。

“当更多零售领域,如餐饮服务能复工及开放堂食,此疫苗接种计划将能恢复市场鸡肉供应的需求。”

该部提及,该部推行零售业接种计划(RIVAC),鼓励零售业者登记为员工接种疫苗,因此该部呼吁业者,包括养鸡业者尽快登记,确保员工接种疫苗,以免员工暴露在染疫风险,进而避免农场因出现确诊病例而关闭及面对更多亏损。



24 JUL, 2021

Ensure chicken supply sufficient and price stays reasonable

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(布城23日讯) 国内贸易及消费人事务部指出，该部致力在维护消费者及商家利益平衡，并与部门旗下机构和业者展开对话会，确保获准运作领域可在疫情期间顺利运作，且民众不会因必需品涨价而受影响。该部说，鸡饲料涨价加重畜牧者负担及影响鸡肉销量，因此将严正看待养鸡业者面对的问题，且农业与食品业部旗下兽医局已为此采取积极措施应对问题。“兽医局与进出口商、饲料供应商及畜牧业者进行多项对话会，寻策解决问题。”贸消部

Gara-gara dipisahkan oleh Covid-19, tanah 4 hektar kini jadi kebun komersial

Dua tahun tidak jumpa keluarga

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI – Seorang lelaki di Kampung Tuan Sheh, Tanjung Sedili di sini yang terpisah dengan keluarganya di seberang tambak ekoran Covid-19 melanda dunia tidak mahu menjadikan jarak sebagai penghalang untuk membuatkan anak dan isterinya bangga.

Sapari Sarman, 54, berkata, kini hampir dua tahun dia tidak dapat bertemu dengan anak juga isteri dan hanya berhubung melalui telefon setiap hari.

Katanya, dia sebelum ini bekerja di syarikat pengangkutan di Pasir Gudang kemudiannya berhenti selepas syarikatnya berpindah ke Pahang, dalam masa sarua tidak dapat pulang ke pangkuan keluarga ekoran penutupan sempadan negara.

"Jika sebelum ini sebulan tiga empat kali kami berjumpa. Setiap minggu isteri masuk Malaysia, saya pula akan pulang ke Singapura untuk melihat anak isteri.

"Keadaan sekarang amat berbeza bila hampir dua tahun tidak berjumpa, memang sedih. Jadi

bila syarikat berpindah ke Pahang saya nekad berhenti kerja ketika itu dan pulang ke kampung kerana tidak dapat balik ke Singapura.

"Bila berada di kampung, bagi saya sudah tiba masanya saya menabur bakti kepada orang kampung melalui Koperasi Wawasan Tuan Sheh Tanjung Sedili Kota Tinggi Berhad (KOTS) ini. Daripada dahulu kawasan ini agak terbiar kini alhamdulillah telah dipenuhi dengan pelbagai tanaman," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia yang juga merupakan pengurus di kebun seluas empat hektar itu berkata, apa yang lebih penting usaha dilakukan dengan kerjasama penduduk itu dapat diperlihatkan kepada anak isterinya setiap hari.

Katanya, saban hari dia akan berkongsi cerita akan perkembangan di kebun sehingga membuatkan keluarganya dari jauh merasa teruja.

"Di sini kami ada pelbagai tanaman antaranya keledak jepun, terung, kacang panjang, nurseri juga mengusahakan ternakan lembu dan kambing," ujarnya.



SAPARI (tiga dari kanan) bersama sebahagian ahli Koperasi Wawasan Tuan Sheh Tanjung Sedili Kota Tinggi Berhad di kebunnya di Tanjung Sedili, Kota Tinggi semalam.

Ternak kelulut untuk sara keluarga



NABILAH Abdul Kadir sedang mengambil madu kelulut daripada salah satu sarang yang diusahakan di Kampung Tanah Merah Jaya, Tangga Batu, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Oleh **AMRAN MULUP**
utusannews@mediamula.com.my

MELAKA: Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Itu pegangan hidup seorang ibu tunggal, Nabilah Abd. Kadir dari Kampung Tanah Merah Jaya, Tangga Batu dekat sini yang mengharungi cabaran hidup sejak pandemik Covid-19.

Anak sulung daripada enam beradik itu kini memikul tanggungjawab besar iaitu menyara ibunya berusia 54 tahun termasuk dua adiknya yang juga orang kurang upaya (OKU).

Berbekalkan semangat kental yang dimiliki, Nabilah, 29, kini mampu berdiri sendiri tanpa perlu menagih simpati orang ramai.

Menurutnya yang mempunyai seorang anak lelaki, Mu-

hammad Adam Naufal, 1, dia bukan sahaja bekerja menjaga tanaman bunga ros milik ibu saudaranya, tetapi turut mengusahakan ternakan madu kelulut.

"Selain madu kelulut yang diusahakan, saya juga turut membela lebih 300 ekor ikan gapi dan tanaman kaktus.

"Semua kerja ini boleh hasilkan pendapatan walaupun tidak banyak mana tetapi cukup-cukup untuk menyara ibu serta adik-adik yang lain.

"Selagi ada kudrat, saya akan sara ibu dan adik-adik. Saya tidak mahu terlalu mengharap belas ihsan penduduk," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Nabilah yang berpisah dengan suami lebih setahun lalu menambah, kerja-kerja yang dilakukannya itu turut dibantu oleh kedua-dua adiknya.

Ujarnya, sejak jualan pokok ros kurang mendapat sambutan berikutan sekatan pergerakan penuh, dia lebih berharap kepada jualan madu kelulut, ikan gapi dan pokok kaktus untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Jelasnya, produk madu itu mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat, namun, mengakui tidak mampu memenuhi permintaan yang tinggi kerana baru mengusahakannya.

"Madu ini dijual sebotol RM50 sahaja. Sebulan, saya hanya dapat jual sebanyak enam botol dan hanya memperoleh pendapatan antara RM300 hingga RM400.

"Ikan gapi pula saya jual pada harga RM3 dan RM4 seekor manakala satu pokok kaktus dijual pada harga RM4," ujarnya.

Usaha kebun selepas terpisah dari keluarga

KOTA TINGGI: Meskipun hampir dua tahun tidak bertemu, lelaki di Kampung Tuan Sheh, di sini yang terpisah dengan keluarganya di seberang tambak ekoran Covid-19, tidak mahu jarak menjadi penghalang hubungan mereka.

Sapari Sarman, 54, berkata, dia sebelum ini bekerja di syarikat pengangkutan di Pasir Gudang, tetapi kemudiannya berhenti selepas syarikat itu berpindah ke Pahang dan pada masa sama, tidak dapat pulang ke pangkuan keluarga ekoran penutupan sempadan negara.

Justeru, bapa kepada dua cahaya mata itu membuat keputusan untuk pulang ke kampungnya di Tanjung Sedili, bagi mengusahakan tanaman pertanian melalui Koperasi Wawasan Tuan Sheh Tanjung Sedili Kota Tinggi Berhad (KOTS) bersama penduduk kampung.

"Kini, hampir dua tahun dia tidak dapat bertemu dengan anak-anak dan isteri, hanya telefon menjadi penghubung kami saban hari. Jika sebelum ini, sebulan tiga empat kali kami berjumpa sama ada isteri masuk Malaysia atau saya akan ke Singapura setiap minggu.

"Keadaan sekarang amat berbeza apabila lama tidak ber-

jumpa memang sedih. Jadi, bila syarikat berpindah ke Pahang, saya nekad untuk berhenti kerja dan pulang ke kampung kerana tidak dapat balik ke Singapura.

"Bila berada di kampung, sudah tiba masanya saya menabur bakti kepada orang kampung melalui koperasi itu yang berjaya menukar kawasan terbiar dengan kini dipenuhi pelbagai tanaman," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Sapari yang merupakan pengurus di kebun seluas 4.04 hektar itu berkata, apa yang lebih penting apabila usaha dilakukan dengan kerjasama penduduk itu dapat diperlihatkan kepada anak-anak dan isterinya setiap hari.

Katanya, saban hari dia akan berkongsi cerita perkembangan di kebun sehingga membuatkan keluarganya dari jauh merasa teruja.

"Kami ada pelbagai tanaman antaranya keledak jepun, telunjuk, kacang panjang dan pelbagai lagi selain mengusahakan ternakan lembu dan kambing. Pandemik Covid-19 memang sesuatu yang amat teruk bagi kita semua, macam saya, terpisah dengan keluarga dan ada yang kehilangan kerja.